

Keluarga korban keracunan rojak India teliti langkah selanjutnya

KELUARGA kedua-dua mangsa kes keracunan makanan rojak India Geylang Serai – Allahyarhamha Aminah Samijo dan Allahyarhamha Norani Kassim – sedang meneliti langkah-langkah yang boleh diambil mereka menyusuli keputusan koroner semalam.

Allahyarhamha Aminah, 57 tahun, dan Allahyarhamha Norani, 59 tahun, meninggal dunia pada April tahun lalu setelah mengalami keracunan selepas memakan rojak India itu, yang dibeli dari gerai di Pasar Sementara Geylang Serai.

Koroner Negara, Encik Victor Yeo, memutuskan semalam bahawa kematian mereka adalah satu kecelakaan.

Keputusan itu bermakna pemilik gerai tersebut, Sheikh Allaudin Mohideen, 70 tahun, tidak bertanggungjawab secara langsung ke atas kematian mereka.

Semasa ditemui selepas Encik Yeo menyampaikan keputusan beliau, peguam keluarga Allahyarhamha Aminah, Encik M. Nedumaran, berkata mereka sekarang sedang menimbang-nimbang untuk mengambil tindakan undang-undang.

“Jika mereka setuju untuk membuat tuntutan, ini bermakna kami akan menuntut daripada pemilik lesen gerai itu kos perubatan suami Allahyarhamha Aminah, Encik Omar Ali, yang juga terkena keracunan makanan.

“Selain itu, mereka mungkin membuat tuntutan tanggungan,” ujar Encik Nedumaran.

Menurut beliau, ini kerana Allahyarhamha Aminah satu-satunya pencari nafkah bagi keluarganya.

Bagi Allahyarhamha Norani pula,

seorang lelaki yang mengenalkan dirinya sebagai anak Allahyarhamha tetapi tidak mahu memberi namanya berkata berkata keluarga Allahyarhamha akan menghubungi peguam untuk melihat apakah pilihan mereka selepas ini.

“Kami sebenarnya tidak terkejut dengan keputusan yang diberi itu memandangkan tiada sisa makanan yang ditemui di gerai itu untuk dijadikan bukti.

“Jika peguam beritahu bahawa kami mempunyai peluang baik untuk menang jika mengambil tindakan undang-

undang sivil, mungkin kami akan teruskan.

“Jika tidak, mungkin kami akan lupa sahaja episod ini,” ujar beliau, yang berusia awal 40-an tahun.

Seorang lagi anak Allahyarhamha Norani, Cik Hamidah Yatim, 40 tahun, pula melahirkan rasa kecewa akan sikap Sheik Allaudin.

“Sebenarnya saya berharap sekurang-kurangnya dia datang hari ini. Sewaktu kami bertemu dengannya di mahkamah minggu lalu, beliau masih tidak minta maaf secara peribadi,” ujar Cik Hamidah.